

MENCAPAI KETINGGIAN DUNIA AKHIRAT

PERANGAI BERGANTUNG KEPADA DIRI SENDIRI

IV

Bersendiri pada ilmu dan amalan

Kelebihan alam bagi membolehkan seseorang bersendiri memahamkan ajaran-ajaran agama (sebagaimana memahamkan segala perkara yang lain Juga memang sedia nyata, tiada berhajat kepada keterangan lagi. Tuhan sendiri pun sedia membayangkan ketetapan yang demikian di dalam Quran firman-Nya (*wamā ya'lamu tāwīlahu illa Allāh wal rāsikhun fī al-'ilm* : surat Ali 'Imrān 7) ertinya “dan tiada yang tahu akan pahaman ertinya (ayat-ayat yang tiada terang itu) melainkan Allah dan orang-orang yang tegak pendiriannya di dalam alam pengetahuan... dan firman-Nya lagi (*wa tilka al-amthālu naḍribuhā li al-nās wamā ya'qiluha illa al-'ālimūn*: surat al-'Ankabūt 43) ertinya “ kata-kata umpamaan itu kami perbuatkan bagi manusia dan yang boleh memikirkan maksudnya itu tiada lain melainkan orang yang berilmu sahaja” dan lagi firman-Nya (*hal yastawī al-ladhīn ya'lamun wa al-ladhīn lā ya'lamūn*: (surat al-Muzāmmir 9) ertinya “ adakah sama di antara orang-orang yang berpengetahuan dengan orang-orang yang tiada berpengetahuan?..

Oleh Zaba

Kita semuanya berkehendak kebajikan dan tiada berkehendak akan kejahatan. Kita yang ingin hendak membaiki segala hal ehwal kita yang kekurangan sama ada pada dunia dan pada agama, hendak mengubah segala sifat-sifat keadaan kita yang tiada baik atau yang kurang baik ditukar dengan yang baik dan yang terlebih baik. Kita hendak mengganti segala hal-hal kita yang mundur dan ketinggalan ditukar dengan yang maju dan mara mengikut zaman. Kita hendak mengganti segala pikiran kita yang kuno dan kolot, dan segala kepercayaan yang sesuai dengan ujian akal dan siasatan ilmu pengetahuan yang maju. Kita mahu pembaharuan dan pemulihan, bukan menyimpan perkara yang telah berkulat dan bercendawan .. tetapi jika kita tiada berpengetahuan, dan tidak bergantung kepada diri sendiri mencari pengetahuan itu serta menggunakannya apabila telah diperolehi tidak memakai ilmu sendiri, fikiran sendiri dan timbangan akal sendiri bersaing dengan pengetahuan itu- maka dimanakah kita boleh dapat sekalian yang kita kehendakkan dan kita cita-citakan ini??

Kita sentiasa sangat berhajat kepada ilmu dan pengetahuan, kepada latihan dan pelajaran untuk alat bagi memandu akal menjalankan kerja-kerja pembaikan yang diangan-angankan itu. Maka ilmu pengetahuan itu boleh kita dapat jika ditentukan dan diusahakan mencari dengan bersungguh-sungguh. Kita wajib dapat ilmu pengetahuan itu, jika tidak lebih pun daripada orang-orang ahli ilmu kita ingatlah lalu sekurang-kurangnya sama sengan mereka itu jadilah. Dengan demikian baharulah boleh kita bersaing dengan mereka itu “ berdiri sama

tinggi, duduk sama rendah” :

Dalam pada itu tidaklah pula ada apa-apa halangan yang “mesti” menyekat kita daripada dapat ilmu pengetahuan lebih luas dan lebih daripada ilmu pengetahuan orang dahulu-dahulu yang telah jadi ikutan kita sekalian selama ini. Kerana sesungguhnya barang apa jua ilmu yang telah dapat kepada orang dahulu-dahulu itu. Asing-asingnya masih ada lagi sampai sekarang pun boleh didapati tersimpan dalam kitab-kitab mereka itu tidak hilang. Jadi tentulah ilmu - ilmu itu boleh dapat juga kepada orang-orang kemudiannya dan orang-orang yang akan datang juga jika dituntut dan dikajikan dengan bersungguh-sungguh. Tetapi sebaliknya ilmu - ilmu baru yang ada pada orang-orang kemudian, seperti orang-orang zaman sekarang dan orang-orang yang akan datang kemudian lagi kelak, nyatalah tidak akan dapat kepada orang-orang dahulu itu, kerana mereka itu tidak ada lagi. Hayat mereka tiada sampai kepada zaman kemudiannya akan menuntut dan mengkajikan ilmu - ilmu baharu yang tidak ada pada zaman mereka itu dahulu.

Jadinya orang-orang kemudian selain daripada boleh mendapat segala ilmu orang yang dahulu-dahulu itu jika mereka dituntut, memang boleh pula mendapat ilmu - ilmu tambahan lain lagi yang baharu, iaitu yang tidak diketahui oleh mereka yang dahulu-dahulu yang telah lalu itu bahkan barang kali tidak terlintas pun di hati mereka. Orang dahulu-dahulu itu sudah mati dan pengetahuan zaman mereka itu hanyalah sekadar yang mereka telah ketahui pada masa hidupnya lagi itu dan yang diketahui oleh lain-lain orang pada zaman itu: mereka tidak dapat ilmu - ilmu baharu yang telah terbit dibukakan Tuhan kemudian daripada masa mereka itu. Adapun orang-orang kemudian maka ilmu - ilmu yang diketahui oleh orang dahulu-dahulu itu pun boleh dipelajari dan boleh dapat kepadanya, dan pengetahuan-pengetahuan baharu yang tiada diketahui oleh orang

dahulu-dahulu itupun boleh juga dipelajari dan ditambahkan kepada ilmu - ilmu zaman dahulu yang telah sedia itu. Pendeknya setelah mereka dapat ilmu - ilmu yang diketahui oleh orang dahulu-dahulu itu maka boleh pula mereka tambah lagi dengan ilmu - ilmu yang baharu yang belum ada pada zaman dahulu itu dan tiada diketahui oleh ahli-ahli ilmu pada zaman itu.

Demikianlah jalannya dikatakan orang-orang kemudian harus boleh dapat lebih ilmu daripada orang dahulu-dahulu yang diikut dan dipertaklid sahaja selama ini. Jika tidak demikian maka tidaklah boleh ada kemajuan bertambah-tambah baik pada apa-apa perkara jua. Maka terlebih dasyat lagi pula jika dekat ilmu manusia sentiasa semakin bertambah kurang daripada orang dahulu-dahulunya: (Atau juga dikata tiada siapa “biji matanya” (yakni orangnya) yang akan boleh sampai sama alimnya seperti imam-imam dahulu kala itu. Apalagi melebihi mereka itu pula!! Bahawa kepercayaan demikian ini akan menjadikan manusia pada akhir-akhirnya sama seperti sakai dan orang liar, atau lebih buruk lagi!! Tetapi tidak: ilmu tidak tertentu bagi orang dahulu-dahulu sahja. Tetapi ialah bagi siapa-siapa jua yang dikurniakan dia oleh Allah. Walau orang-orang kemudian pun; dan firman Allah pula (*wa fawqa kulli dhi ilmi alim*: surah Yūsuf 76) ertinya “Dan di atas tiap-tiap orang yang berilmu itu ada yang amat berilmu lagi.”

Dalam pada itu walau bagaimanapun nyatalah pula bahawa imam-imam besar dahulukala itupun tidak juga meliputi sekalian ilmu yang telah ada dibukakan Allah pada azamannya itu, atau sekurang-kurangnya meliputi sekalian ilmu yang dikehendaki bagi kewajipan menerangkan fahaman-fahaman agama hingga menjadikan “semuanya” yang mereka telah terangkan itu layak bagi segala masa dan zaman dan segala keadaan manusia. Tidak! Hanya orang dahulu-dahulu itu dengan sekadar ilmu yang ada kepada mereka pada zaman itu telah bersendiri menimbangkan hal-hal agama itu: maka mengapakah pula orang-orang kemudian sekarang yang harus barangkali lebih ilmu daripada mereka itu tidak boleh berbuat seperti mereka itu? Jika kita mengikut sahaja apa-apa pendapat orang lain yang telah terdahulu itu adakah harapan kita akan dapat mengeluarkan sesuatu pendapat dan fahaman yang baharu? Pada hal kemajuan alam telah menerbitkan bermacam-macam perubahan baharu dan pendapat baharu yang tentu sekali tak boleh mesti mengkehendaki fahaman-fahaman baharu pula dalam medan pengajian kita tidak akan hal-hal agama sekira-kira sepadan dengan perubahan-perubahan yang telah terjadi itu. Jika tidak demikian, bolehkah dikata agama Islam layak bagi segala zaman?

Barangkali ada orang akan berkara jika tiap-tiap seorang jadi “ulama” yang boleh mengambil faham sendiri belaka daripada punca-punca agamanya nescaya akan menjadikan pecah belah yang amat banyak macamnya; seribu orang seribu macam faham dan sejuta orang sejuta macam faham pula. Demikianlah seterusnya tiap-tiap kepala akan mengikut fahamnya sendiri, fikirannya sendiri dan barangkali nafsunya sendiri juga! Maka dengan demikian kelak binasalah Islam!Bahawasanya kekhuatiran ini ialah suatu perkara yang tiada termasuk kepada akal akan boleh terjadi. Seorang tidakkah dapat

mengambil atau mengeluarkan faham daripada sesuatu ayat atau perkataan jika maksud itu tidak ada di dalamnya: ia tiada boleh memaksakan ke dalamnya fahaman yang dikehendaki oleh nafsunya, atau yang berlawanan atau berlainan daripada tujuan-tujuan yang benar ada terkandung di dalam nas itu. Perkara yang “putih” dalam tujuan asal itu tidakkan boleh dikatakan “hitam”: perkara yang benar tidakkan dapat dimasukkan supaya mengganti maksud yang benar itu. Dan lagi bukan pada “semua perkara” mereka itu akan berselisih faham pada segala perkara yang besar-besar mereka tetap bersefahaman dan bersetuju kerana ayat-ayatnya sarif dan tetap satu sahaja tujuannya pada segala hal dan zaman. Misalnya iktikad tauhid.

Oleh itu maka sejauh-jauh perpecahan yang akan boleh terjadi ialah sebagaimana yang terjadi pada lain-lain hal kehidupan kita juga. Umpamanya dalam medan politik orang bersalah-salahan faham ada orang berfahaman seperti Churchill, ada orang berfahaman seperti Itali, ada orang berfahaman seperti “UMNO (UMNO) dan ada orang seperti “IMP” (IMP) dan lain-lain lagi. Tetapi tidaklah tiap-tiap kepala berfahaman lain, dan bukan semua orang boleh jadi “kepala” dan ikutan membawa fahaman sendiri. Yang kebanyakannya ialah jadi pengikut juga (bukan bertaklid buta). Iaitu menyokong fahaman yang ia bersetuju. Maka “kepala-kepala” itu berselisih hanya pada fahaman dan jalan; tetapi asasnya satu juga iaitu kebajikan bagi rakyat dengan menjadikan negeri dan pemerintahan itu sebagai alatnya. Maka hanya jika tiada dipakai asas itu atau diterbalikkan dia – umpamanya rakyat dijadikan alat bagi kebajikan negeri dan pemerintahan – maka baharulah boleh terbit faham yang salah dan sesat seperti fahaman komunis atau lain-lain sebagainya.

Maka begitulah juga pada medan agama: sehabis-habis buruk perpecahan yang akan terjadi tiada akan melebihi daripada apa yang telah terjadi dalam masa 1300 tahun yang sudah ini juga, iaitu kebanyakan berselisih pada masalah furu’ dan cawang kecil-kecil, tetapi pada asasnya tidak terubah sekali-sekali melainkan tetap Quran dan hadis juga. Maka hanya jika ada yang mengubah kepada asas lain daripada Quran seperti ajaran “al-Babiah” dan “al-Bahā’iāh” yang membawa “Kitab al-Qudus”nya menggantikan Quran, nescaya jadilah bawakan mereka itu terkeluar daripada agama Islam. Orang-orang Islam yang lebih ramai sentiasa akan sedar dan tidak akan membiarkan apabila terjadi kesesatan demikian itu. Tetapi jika perselisihan pada pihak usul yang tidak begitu besar bolehlah juga ditampun dan didamaikan semula, kerana hanya terbitnya daripada berlainan faham sahaja; asasnya tidak berlainan. Al-Syeikh al-Imam Muhammad Abduh yang masyhur itu (wafatnya 1905M) tatkala ditanya oleh murid-muridnya di rehal perselisihan faham di antara imam-imam Mujtahidin dahulu kala ia telah menjawab katanya (*law ijtimā’ wā wa tanāṣafu lātafaqū wa mā ikhtalafū*) ertinya “Jikalau mereka itu dapat berkumpul bersama-sama pada masa yang satu dan bertukar-tukar fahaman dengan adil dan saksama nescaya mereka akan jadi sepakat bersatu fikiran dan tidak berselisih faham. “

Sementara itu segayalah pula diingat bahawa perselisihan faham mazhab-mazhab pada perkara-perkara furu' dan cawang kecil-kecil itu sememangnya baik kerana iaitu memberi lega lingkungan Islam, melapangkan tempat-tempat beredar dan berkisar menyenangkan bergerak dan berpindah –pindah di dalamnya. Yang demikian memberi peluang kepada pengikut-pengikutnya memilih mana yang kemudahan dan mana yang boleh berkenan pada hatinya : sesak di sini boleh ke sana dan sesak di situ boleh ke sana. Kerana semuanya itu dikira betul dan jalan Islam belaka : asas dan aswalnya tidak berlainan. Maka sebab itulah ada tersebut hadisnya yang mashur sabda Nabi (SAW) (*iktilāt ummāti rahmah*) artinya “ perselisihan faham di antara orang-orang umatku itu ialah rahmat daripada Tuhan.” Maka hanyalah orang-orang kemudian yang kurang pengenalan sahaja telah menyempitkan kawasan ini dengan menghukumkan tidak boleh berpindah-pindah dari satu mazhab kepada lain mazhab bila-bila suka jika tidak diketahui semuanya kaedah-kaedah tiap-tiap mazhab itu sebagaimana ahli-ahlinya sendiri ; padahal kita pengajian satu mazhab Shafī' atau Hanafi sahaja pun tidak boleh terhabiskan seumur hidup!! Sesungguhnya inilah pandangan orang yang sempit hatinya, sempit fikirannya dan sempit kira-kiranya orang yang harus tiada boleh maju dan bersendiri dalam hal ehwal pengajian agamanya!!

Tegasnya tiap-tiap seorang yang ada kelayakkan patutlah boleh bebas menimbang dengan ilmu dan akalannya sendiri dan mengambil keputusan daripada pahaman sendiri akan Quran dan Hadis pada apa-apa masalah agama yang ada didapati asas hukumnya disitu. Adapun jika tiada didapati maka ia patut boleh memakai timbangan sendiri sahaja, seperti yang tersebut dalam hadis tatkala Nabi (SAW) mengutus Muaz Bin Jabal perkara mengajar agama Islam ke negeri Yaman : Kata Rasulullah kepada Muaz (*fāna lam tajid?*)” yakni kalau tidak ada engkau dapati hukumnya dalam sunat Rasulullah (sebagaimana tiada engkau dapati dalam kitab Allah) apakah engkau akan buat? “ maka jawab Muaz (*Ijtihad Raī*) yakni saya akan berjihad memakai timbangan saya sendiri. Maka

jawapan Muaz ini sangat memuaskan hati Rasulullah.

Tetapi walaubagaimanapun, baik mengambil pahaman daripada Quran dan Hadis atau berjihad atas fikiran sendiri semata-mata tidaklah sekali-kali “mesti” menerima atau mengikut fahaman dan timbangan yang diperbuat oleh orang lain sahaja kecuali jika orang lain itu Rasulullah sendiri dan kecuali setelah diperiksa didapati pendapat orang lain itulah yang sebaik-baiknya. Tiada dapat diatasi lagi. Demikianlah patutnya bagi tiap-tiap orang yang ada mempunyai kelayakkan.

Maka alat perkakas yang memberi kelayakkan kepada seseorang itu ialah ilmu pengetahuan bersirat dengan akal yang sihat dan tajam. Oleh yang demikian maka supaya mendapat kelayakan wajiblah seseorang yang sempurna akal itu berusaha bersungguh-sungguh memperdapat akan alat perkakas itu yang tak boleh tidak mustahak bagi membolehkan bersendiri pada memperkajikan agama ; iaitu pertama-pertama ilmu pengetahuan akan bahasa asal agama Islam (ilmu bahasa Arab) dengan segala selok beloknya ; dan kedua seberapa banyak yang boleh dapat daripada pelajaran dan ilmu-ilmu pengetahuan lain lama dan baharu yang telah ditahkikkan betulnya oleh siasatan orang-orang sekarang . maka yang kedua ini mustahak untuk memberi mengerti akan cara-cara siasatan akal dan jalan-jalan pengetahuan dan fikiran diantara ahli-ahli ilmu ingatlah maju dalam dunia zaman ini.

Setelah ada perkakas dari kedua-dua pihak ini latihkanlah diri menjalankan ilmu-ilmu itu diatas asas akal sendiri dan pengetahuan sendiri dan siasatan sendiri pemerksa punca-punca ajaran agama di dalam Quran dan hadis serta segala keterangan orang dahulu-dahulu itu mana yang ada dan mana yang mustahak diperiksa. Buatlah demikian –lihatlah dan uji tiap-tiap satunya dibawah suluhan ilmu-ilmu yang sah zaman ini dan mengikut timbangan akal yang adil hingga seberapa jauhnya yang boleh tersimpan oleh kebolehan sendiri itu. Dengan demikian tak dapat tidak

Terzahirlah keputusan yang betul dan memuaskan kehendak kebenaran menurut bagaimana patutnya dalam perkelilingan hal dan zaman yang ada pada hari ini. Selain daripada itu hendaklah juga biasakan menyasat-menyasat sendiri dalam apa-apa perkara yang dikajikan itu dengan demikian kerap kali akan dapat mengeluarkan sesuatu fahaman dan pandangan yang baharu yang belum pernah terfikir atau terpancang oleh orang dari dahulu.

Maka yang demikian baharulah dikatakan “berijtihad sendiri” – iaitu mencurahkan sehabis-habis tenaga memeriksa dan menimbang semula apa-apa jua masalah agama dan cawangan-cawangannya yang mustahak diperiksa dan ditimbang semula; dan dengan demikian baharulah sempurna sifat yang dikatakan “bergantung kepada diri sendiri” dalam hal agama ; iaitu berpedoman sendiri kepada Quran dan hadis dan berpandu sendiri kepada Akli dan Naqli ; bukan hanya mengikut fahaman orang lain sahaja dengan buta tuli.

Jumlahnya sekalian yang telah kita perkatakan dari hal sifat bergantung kepada diri sendiri ini dalam perkara agama yang boleh diringkaskan seperti dibawah ini :-

(1) Orang kita banyak benar yang lemah pada mengerjakan amal ibadah yakni bergantung harapan akhirat kepada amal sendiri. Bahkan tidak sedikit pun yang cenderung akan berharap kepada doa tok-tok lebai dan tok-tok alim dan sedekah tahlilnya dan sebagainya sahaja apabila telah masuk ke dalam alam arwah kelak. Istimewa pula jika mereka daripada orang yang mampu membayar dan mengupah! Perasaan demikian ini patutlah dibuang dan dihapuskan atau sekurang-kurangnya hendaklah diubah. Bukan begitu yang disuruh oleh agama Islam. Suruhan Islam ialah tiap-tiap seorang hendaklah berusaha sendiri mengerjakan amal ibadatnya serta dengan cukup mengerti sendiri akan apa-apa yang dibaca dan dikerjakan dalam ibadat itu. Lagi dengan seberapa khusyuk dan tawaduk serta hadir hatinya terhadap Allah dan dengan sepenuh-penuh ikhlas kerana Allah pada segala

yang dikerjakan dan pada tiap-tiap kali mengerjakan bukan kerana manusia atau kerana puji dan balas.

(2) Tiap-tiap seorang mestilah buat sendiri sekalian kerja-kerja ibadah yang disuruh itu, dan mesti sedia memikul tanggungjawabnya sendiri dihadapan penghakiman Tuhan di akhirat kelak. Jangan berharap pada pertolongan orang dan doa arwah daripada orang yang hidup apabila kita telah masuk ke dalam kubur. Perasaan sedia mahu berharap umpamanya kepada fadiah sembahyang dan fadiah puasa yang dibuatkan oleh orang yang tinggal, dan kepada upah haji. Sedekah tahlil dan *qul huwā Allāh* dan doa arwah dan sebagainya itu wajiblah dicabutkan daripada ingatan orang Islam atau sekurang-kurangnya dilemahkan dan jangan digalakkan : pada tempatnya hendaklah digantikan dengan keyakinan dan azam mesti bergantung harapan akhirat kepada amal sendiri masa hidup lagi ini. Tiap-tiap seorang Islam hendaklah melatih dirinya mesti bersendirian menyempurnakan tanggungan-tanggungan untuk akhirat ini.

(3) Orang-orang awam segayalah jangan sentiasa bergantung harapan agamanya “pada semua perkara” kepada tok-tok guru dan orang alim sahaja ; dan jangan sentiasa mahu berpuas hati redha duduk kekal di dalam jahil seumur hidup akan bahasa agama, dan dengan demikian terpaksa menerima sahaja apa yang dikatakan oleh orang lain yang lebih tahu sedikit. Iaitu tok-tok guru dan “orang alim”. Perasaan sentiasa mahu berpuas hati dengan keadaan demikian itu ialah suatu sifat kekurangan yang tercela : akibatnya hanya menghilangkan kesendirian dengan melemahkan sifat bergantung pada diri sendiri dengan berbuat demikian mereka akan kekal seumur hidup tiada mempunyai kelayakkan memakai timbangan sendiri pada perkara-perkara itu.

(4) Yang sewajibnya mereka hendaklah belajar sendiri akan bahasa Arab sehingga dapat memahamkan sendiri kitab-kitab yang tertulis di dalamnya-dapat mengambil faham sendiri akan

Hal-hal agama Islam terus dari asal-asal dan puncanya
.....ia ! sekurang-kurangnya mereka hendaklah ada hemat dan
cita-cita hendak mendapat kelakkan berbuat demikian itu
dan hendak mengetahui sendiri akan perkara-perkara agama itu
dari pucuk mata airnya yang bersih. Ia hendaklah berikhtiar
dan berusaha bagi menghasilkan cita-cita itu. Belajar
bahasa Arab itu hendaklah dikira sebagai kerja “fard
‘ayn” bukan “ fard kifayah” lagi pada zaman ini.

(5) Orang-orang alim pula hendaklah jangan sentiasa
bergantung harapan “pada semua perkara” dalam hal
ajaran-ajaran agama dan hukum-hukumnya hanya kepada kitab-kitab
karangan ulama dan kepada keputusan imam-imam mujtahidin
dahulu kala itu sahaja semata-mata- sentiasa diterima
fahaman dan fikiran mereka itu dengan tidak hirau
hendak memeriksa dan menimbang sendiri akan hujah-hujah mereka
dan menentukan kuat atau lemahnya asas-asas pendapatan
mereka itu. Nabi kita (SAW) berpesan suruh kita berpegang
sendiri kepada dua pasak yang akan ditinggalkan iaitu kitab Allah
dan sunnah Rasulullah bukan kepada kitab karangan ulama
atau kepada fahaman mereka itu dengan tiada ditimbang sendiri
lagi.

(6) Orang-orang alim yang sebenar-benarnya alim pada zaman sekarang
pun segayanya hendaklah pergi terus kepada Quran dan
hadis sendiri seperti orang-orang alim zaman dahulu itu
juga; dan patut biasa memakai ilmu dan timbangan
sendiri bagi memperoleh fahaman sendiri yang merdeka
dan bebas daripada semata-mata mengikut dengan tiada timbangan
akan pendapat dan keputusan orang dahulu-dahulu itu walau
bagaimanapun alimnya mereka itu. Siapakah dapat menjamin
fahaman orang-orang yang diikuti dengan buta tuli demikian itu
sentiasa betul sahaja semuanya. Atau sentiasa menambah dengan
kemahuan zaman dan perubahan hal ehwal manusia ??
pendeknya tidaklah patut dan tidak memadai hanya bertaklid

dengan tahu hujung pangkal.

(7) Orang-orang Islam istimewa yang ahli ilmu tidaklah
disuruh atau dibenarkan bertaklid semata-mata kepada fikiran
orang dan fahaman orang ; tetapi sebaliknya mereka disuruh
menggunakan akal fikiran sendiri dan timbangan
sendiri dan ilmu pengetahuan sendiri bagi memahamkan dan
menguji sendiri akan sesuatu perkara walau walau perkara
agama pun. Setelah puas hati diperiksa dan ditimbang dengan
sehabis cermatnya barang sesuatu keputusan itu baharulah
diterima akan dia di atas asas pengesahan sendiri yang
telah diperoleh itu.

(8) Tiap-tiap orang Islam istimewa yang sudah ada
berpelajaran sebanyak sedikit dalam ilmu-ilmu zaman ini.
Wajiblah belajar bahasa Arab seberapa dalamnya dan
tingginya yang dapat. Sehingga boleh memahamkan Quran dan
hadis sendiri terus dari asalnya dengan cukup paham
dan dengan pemahaman yang sah dan betul. Segala kitab-kitab
tafsir Quran dan kitab-kitab syarah hadis yang telah dikarangkan
oleh orang-orang dahulu itu digunakan dia sebagai pembantu
dan penerang jalan berfikir sendiri, bukan mesti
sebagai ikutan. Dengan demikian baharulah ada syarat dan
kelayakkan masing-masing memperkasa sendiri akan ajaran-ajaran agama
dan hukum-hukumnya dari asal usul puncanya. Setelah ada
kelayakkan itu gunakanlah akan dia bagi menyelidik dan
menimbang sendiri akan apa-apa hal agama seberapa jauhnya
yang dapat tercapai oleh akal dan ilmunya itu dan dengan
bersendiri menguji, menerima atau menolak sebarang keputusan
orang lain.

(9) Orang-orang yang telah meningkat kepada darjat dan kelainan
“ilmu” atau “ulama” pula iaitu yang sudah pandai bahasa
Arab dan pengajian-pengajian dalam hal ehwal agama wajiblah
sentiasa menambah dalamkan lagi pengetahuannya itu, serta

melatihkan diri menyiasat dan menimbang sendiri akan apa-apa cawangan pengajian Islam dari asal usul puncanya yang sejati dan menguji akan hujah-hujah dan jalan fikiran segala Pembina bangunan Islam pada zaman-zaman yang telah lalu itu, sehingga mana kekuatannya dan kelemahannya kalau ia. Pendeknya berjihadlah sendiri dengan sepenuh-penuh tenaga dan kebolehan, istimewa apabila ada sesuatu perkara yang musyikil atau apabila terbit sesuatu masalah yang baharu atau yang berlainan hal ehwalnya daripada yang sudah-sudah pada zaman dahulu.

(10) Tiap-tiap seorang Islam istimewa orang alim atau ulama tidaklah segaya membiasakan diri sekadar bertaklid sahaja pada semua perkara agama, iaitu hanya mengikut dengan tiada usul periksa dan tiada siasat selidik lagi akan keputusan dan pemahaman orang yang diikuti itu walau siapa pun orangnya : tiada dihalusi-sendiri dalil-dalil dan hajat-hajat mereka itu dan ditimbang sendiri dari segala seginya. Sebaliknya wajiblah sebelum diterima itu diselidik dan ditinting dahulu apa-apa pendapat mereka itu dengan sepuas-puas hatinya ; jika didapati benar dan bersetuju dengan penimbangan kita sendiri baharulah diterima ; dan jika didapati tiada bersetuju dengan kebenaran atau tiada menambah dengan hal ehwal baharu yang telah mengubah kedudukan masalah itu, maka ditolak akan dia dan dianjurkan yang betul atau yang munasabahnyanya dengan dalil-dalil dan hujah-hujah keterangan yang ada pada kita sendiri pula dari pihak Aqli dan Naqli.

Kesimpulannya bersedialah seberapa bolehnya, baik Pada perkara dunia atau pada perkara agama. Pada segala kerja dan amalan buatlah sendiri usahakanlah sendiri, jangan Bertaklid buat. Sekianlah Wassalam.

(Sambungan dari muka 18)

diam di atas kejadian itu bukan kerana suka menerimanya tetapi semata-mata kerana tidak terdaya membuat apa-apa. Lalu menahan hati.

Puak ini memandang dirinya dan dipandang oleh orang-orang Islam amnya bertanggungjawab kepada Islam, kerana mereka lebih faham akan hukum-hukumnya. Dan lebih berkesanggupan membelanya daripada orang lain; sekalipun di sana ada memandang bahawa kejadian-kejadian telah menunjukkan dengan jelasnya akan kelemahan puak ini daripada membela Islam, dan bahawa kelemahannya itu adalah disebabkan kemasukan undang-undang Eropah dan kekal qiramnya di dalam negeri-negeri Islam, serta terbengkalailah hukum-hukum syara'. Sehingga datang beberapa keturunan yang silih berganti dengan tidak mengetahui apa-apa pun dari hal hukum syara', kecuali yang berhubung dengan ibadat dan perkara-perkara yang mengenai diri seseorang, dan sehingga orang-orang jahil menyangka bahawa undang-undang yang sedang berjalan itu menurut hukum-hukum Islam, atau tidak diankarakan oleh Islam manakala orang-orang yang terpelajar cara Barat pula menyangka bahawa Islam itu ialah suatu agama bukan kerajaan atau pun tidak ada di dalamnya sesuatu yang boleh dijadikan sebagai alat untuk memerintah dan menyelenggarakan hal ehwal manusia.

Amat elok kiranya alim ulama memberi penerangan yang jelas berkenaan hakikat Islam dan undang-undangnyanya kepada orang-orang kita yang terpelajar dengan pelajaran Barat, kerana mereka itu orang-orang Islam juga, yang mempunyai persediaan yang baik bagi mempelajari apa-apa yang mereka tidak mengetahuinya dari hal agama yang mereka peluk itu.

PANDUAN

“Tiap-tiap sesuatu itu ada bahayanya tetapi bahaya agama ini ialah ketua-ketua yang jahat”

- Maksud Hadis Syarif